

MINAT DAN CABARAN PELAJAR SEKOLAH SWASTA DALAM PEMBELAJARAN KOMSAS

YANG LITING
Universiti Malaya
riam0412@163.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka tahap minat dan cabaran yang dihadapi pelajar dalam pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 hingga 5 di Sri Bestari Private School Kuala Lumpur. Permasalahan kajian ini berpunca daripada pemerhatian bahawa pelajar kurang berminat terhadap KOMSAS kerana kandungan teks yang sukar difahami serta pendekatan pengajaran yang tidak interaktif. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap minat pelajar, mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi dalam pembelajaran KOMSAS, serta menilai pengaruh faktor persekitaran dan latar belakang ibu bapa terhadap minat pelajar. Skop kajian ini tertumpu kepada pelajar sekolah menengah swasta yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai subjek wajib. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah soal selidik yang diedarkan secara talian kepada 59 orang pelajar. Instrumen kajian dibina berdasarkan konstruk minat, cabaran pembelajaran, persekitaran pembelajaran dan latar belakang sosioekonomi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap KOMSAS berada pada tahap sederhana. Antara cabaran utama yang dikenalpasti termasuk kebimbangan terhadap keputusan peperiksaan, kesukaran memahami teks sastera, serta kurangnya rangsangan daripada guru. Namun, persekitaran pembelajaran yang interaktif serta penggunaan alat bantu digital dilihat dapat meningkatkan penglibatan pelajar. Selain itu, pekerjaan ibu pelajar didapati mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan minat pelajar terhadap KOMSAS. Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar serta kandungan KOMSAS yang lebih relevan dengan kehidupan pelajar perlu diperkenalkan bagi meningkatkan minat dan penglibatan mereka dalam pembelajaran sastera.

Kata kunci: KOMSAS; Minat Pelajar; Pembelajaran Sastera; Pendekatan Pengajara; Sekolah Swasta.

INTEREST AND CHALLENGES OF PRIVATE SCHOOL STUDENTS IN LEARNING KOMSAS (MALAY LITERATURE COMPONENT)

ABSTRACT

This study aims to explore the level of interest among students and the challenges they face in learning the Literature Component (KOMSAS) among Form 1 to Form 5 students at Sri Bestari Private School in Kuala Lumpur. The research problem stems from observations that students demonstrate low interest in KOMSAS due to the complexity of literary texts and the lack of interactive teaching approaches. The main objectives of this study are to identify the level of student interest, examine the primary challenges in learning KOMSAS, and assess the influence

of the learning environment and parental background on students' interest. The scope of the study focuses on students in private secondary schools who are required to take Malay Language as a compulsory subject. This study employed a quantitative approach through an online questionnaire distributed to 59 students. The research instrument was constructed based on the constructs of interest, learning challenges, learning environment, and socioeconomic background. The findings revealed that students' interest in KOMSAS is at a moderate level. Key challenges identified include anxiety about examination results, difficulty in understanding literary texts, and a lack of stimulation from teachers. However, interactive learning environments and the use of digital tools were found to enhance student engagement. Additionally, the mother's occupation showed a significant negative relationship with students' interest in KOMSAS. The study suggests that student-centered teaching approaches and KOMSAS content that is more relevant to students' lives should be implemented to increase their interest and participation in literature learning.

Keywords: KOMSAS; Student Interest; Literature Learning; Teaching Approach; Private School.

PENGENALAN

Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) telah diperkenalkan dalam kurikulum Bahasa Melayu pada tahun 2000 untuk meningkatkan minat membaca, memperkukuhkan kemahiran bahasa, dan mengapresiasi karya sastera. Namun, terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaannya, termasuk kurang minat pelajar terhadap teks sastera, penggunaan kaedah pengajaran tradisional, dan kekurangan alat bantu pembelajaran seperti teknologi digital. Kajian oleh Abdul Rasid Jamian (2023) mendapati bahawa walaupun KOMSAS memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar, pelaksanaannya sering menghadapi cabaran dari segi strategi pengajaran dan keterlibatan pelajar.

Walaupun Komponen Kesusasteraan Melayu [KOMSAS] telah dimasukkan dalam mata pelajaran bahasa Melayu sejak tahun 2000, dengan matlamat untuk meningkatkan minat membaca dan kemahiran berbahasa pelajar, pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa pelajar kurang berminat untuk mempelajari KOMSAS. Antara penyebab kurangnya minat pelajar disebabkan kebanyakan pelajar hanya bergantung pada rangka cerita untuk persediaan menghadapi peperiksaan berbanding membaca teks secara mendalam (Farid et al., 2010).

Selain itu, kaedah pengajaran tradisional dalam sistem pembelajaran di sekolah turut menjadi faktor kepada kurangnya minat pelajar. Menurut Abdul Rasid Jamian (2023), terdapat guru yang masih bergantung kepada kaedah pengajaran berpusatkan guru dan gagal menggerakkan penyertaan pelajar secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, kurangnya penggunaan sumber dan teknologi semasa dalam sesi pembelajaran turut menyumbang kepada kelemahan dalam penghayatan sastera. Sehubungan itu, Mahamod Zamri dan Hassan Jalina (2018) menyarankan agar penggunaan alat bantu seperti pemetaan minda i-Think dan pembelajaran berasaskan masalah diperluas untuk menjadikan pengajaran KOMSAS lebih menarik dan mendalam.

Bukan itu sahaja, terdapat juga persepsi negatif daripada pelajar dan ibu bapa yang beranggapan bahawa mempelajari sastera tidak memberi manfaat kepada kerjaya dan masa depan mereka. Persepsi negatif seperti ini boleh menyebabkan kurangnya minat dalam mata pelajaran KOMSAS. Hal ini secara tidak langsung membawa kepada kekurangan motivasi untuk belajar mata pelajaran KOMSAS.

Dalam konteks ini, sekolah swasta seperti Sri Bestari Private School Kuala Lumpur menawarkan persekitaran yang unik untuk kajian ini dijalankan. Sekolah ini merupakan sebuah institusi pendidikan swasta bandar yang menawarkan kurikulum kebangsaan dan menempatkan pelajar daripada pelbagai latar belakang etnik dan sosioekonomi. Walaupun mempunyai akses kepada kemudahan moden dan sumber pembelajaran yang lebih baik, pelajar di sekolah swasta masih menunjukkan tahap minat yang sederhana terhadap KOMSAS. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada konteks sekolah swasta untuk meneroka sama ada faktor seperti persekitaran pembelajaran, pendekatan pengajaran, dan latar belakang keluarga memainkan peranan dalam membentuk minat dan cabaran pelajar terhadap pembelajaran KOMSAS.

Kajian ini mempunyai kepentingan yang signifikan dalam pelbagai aspek, khususnya dalam konteks pendidikan, pelajar, guru, dan pembuat dasar pendidikan. Pertama, kajian ini membantu mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS). Maklumat ini penting untuk memahami persepsi pelajar terhadap teks-teks sastera yang diajar dalam kurikulum Bahasa Melayu. Dengan penemuan ini, usaha boleh diambil untuk meningkatkan daya tarikan KOMSAS, sekali gus memupuk minat membaca dan menghargai karya sastera dalam kalangan pelajar. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi pelajar, seperti penggunaan kaedah pengajaran tradisional, kekurangan alat bantu digital, dan persepsi negatif terhadap sastera. Penemuan ini membolehkan langkah-langkah strategik diambil untuk mengatasi isu-isu yang telah dikenal pasti.

Seterusnya, kajian ini penting dalam menilai keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru serta persekitaran pembelajaran di sekolah. Melalui kajian ini, pendekatan pengajaran yang lebih inovatif dan menarik, seperti penggunaan teknologi digital, pembelajaran berasaskan masalah, dan kaedah interaktif, boleh dicadangkan. Kajian ini juga memberikan maklumat yang relevan kepada pembuat dasar dan penggubal kurikulum untuk meningkatkan pelaksanaan KOMSAS dalam sistem pendidikan Malaysia. Cadangan yang diperoleh daripada kajian ini boleh membantu memperbaiki strategi pengajaran serta penyediaan sumber pendidikan yang lebih baik dan relevan (Jamian, 2023).

Tambahan pula, kajian ini membantu meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dengan memahami hubungan antara minat pelajar, cabaran pembelajaran, dan kaedah pengajaran. Penemuan ini seterusnya dapat memperkukuhkan kemahiran berbahasa, kefahaman terhadap elemen sastera, dan penghargaan terhadap karya sastera Melayu. Akhir sekali, kajian ini turut menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai pelaksanaan KOMSAS dan menyediakan asas yang kukuh untuk kajian lanjut dalam bidang pendidikan sastera. Secara keseluruhannya, kajian ini mempunyai kepentingan besar dalam memastikan pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan menarik melalui KOMSAS, sekaligus menyumbang kepada pembentukan generasi yang lebih berpengetahuan dan berbudaya.

Kajian ini dijalankan dengan beberapa batasan yang perlu diambil kira untuk memahami konteks dan skop penyelidikan. Pertama, kajian ini hanya melibatkan pelajar Sri Bestari Private School Kuala Lumpur sebagai responden. Oleh itu, hasil kajian ini mungkin tidak dapat digeneralisasikan kepada pelajar dari sekolah lain atau dengan latar belakang sosioekonomi yang berbeza. Kedua, kajian ini tertumpu kepada pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, yang mungkin tidak mewakili pandangan pelajar dari tahap pendidikan lain seperti sekolah rendah atau institusi pengajian tinggi. Ketiga, instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik, yang bergantung kepada tahap kejujuran responden dalam memberikan jawapan. Akhir sekali, kajian ini memberi tumpuan kepada faktor minat, cabaran, dan persekitaran pembelajaran KOMSAS, tanpa

mempertimbangkan faktor-faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya atau latar belakang keluarga secara lebih mendalam.

SOROTAN KOSA ILMU DAN KERANGKA TEORI

Kosa ilmu kajian-kajian lepas yang dilaksanakan oleh para pengkaji dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan dalam kajian yang dijalankan. Kosa ilmu yang dibincangkan dibuat dalam bentuk jadual agar mendapat gambaran yang lebih jelas apa yang telah dibuat oleh para pengkaji dalam kajian lepas.

Terdapat pelbagai kajian menunjukkan bahawa kaedah pengajaran tradisional yang berpusatkan guru dalam pengajaran KOMSAS membataskan penglibatan dan minat pelajar. Untuk mengatasi masalah ini, beberapa penyelidikan mencadangkan penggunaan alat bantu pengajaran yang lebih interaktif dan visual seperti animasi 2D dan platform pembelajaran dalam talian. Sebagai contoh, kajian oleh Norbadrizal et al.(2023) mendapati penggunaan animasi 2D mampu meningkatkan minat pelajar terhadap prosa tradisional, manakala kajian oleh Chew dan Yusof (2021) menunjukkan keberkesanan platform pembelajaran dalam talian untuk meningkatkan pencapaian dan penglibatan pelajar.

Dari segi minat pelajar, kajian mendapati bahawa mereka cenderung berminat kepada genre tertentu seperti cerpen, manakala minat terhadap prosa tradisional adalah rendah. Hal ini berkait rapat dengan kandungan teks yang kompleks dan kurang relevan dengan kehidupan pelajar. Kajian oleh Janang Johnny Lamba dan Mahamod Zamri (2023) menyatakan bahawa pelajar memerlukan bahan KOMSAS yang lebih menarik dan relevan untuk mengekalkan minat mereka dalam pembelajaran.

Kajian juga mendapati bahawa kandungan bahan KOMSAS tidak sepenuhnya mencerminkan realiti budaya pelbagai kaum di Malaysia, yang menyebabkan minat pelajar bukan Melayu terhadap bahan ini agak rendah. Kekurangan elemen budaya silang dalam bahan KOMSAS juga mengurangkan potensi untuk memupuk pemahaman dan perpaduan antara kaum, seperti yang dinyatakan dalam kajian oleh Chew Fong Peng dan Majelan Norazah (2019).

Berdasarkan sudut cabaran yang dihadapi guru, kajian mendapati bahawa ramai guru menghadapi kesukaran dalam memilih strategi pengajaran yang sesuai, terutamanya dalam mengintegrasikan teknologi moden. Menurut kajian oleh Abdul Rasid Jamian (2023), kekurangan kemahiran guru dalam menggunakan alat bantu pengajaran moden membataskan keberkesanan pengajaran KOMSAS.


Tambahan pula, kajian mengenai pembelajaran dalam talian menunjukkan bahawa kaedah ini memberi impak positif terhadap pencapaian dan tingkah laku pelajar. Namun, terdapat perbezaan ketara dalam tahap penglibatan dan keberkesanan pembelajaran dalam talian berdasarkan kaum dan jantina, seperti yang dilaporkan dalam kajian oleh Veloo Ravindran Murugaiah dan Ayob Azizi (2020).

Cadangan untuk kajian masa depan termasuklah penyesuaian kandungan KOMSAS untuk mencerminkan kepelbagaian budaya di Malaysia, pembangunan alat bantu pembelajaran yang inovatif, serta integrasi elemen pendidikan silang budaya dalam pengajaran KOMSAS. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa kunci kepada penambahbaikan pengajaran KOMSAS adalah relevansi kandungan dan inovasi dalam kaedah pengajaran, yang mampu membantu pelajar lebih memahami nilai sastera dan meningkatkan minat mereka terhadap KOMSAS.

KERANGKA TEORI


Dalam kajian ini, kerangka Teori Pembelajaran Sosial-Bandura menjadi sandaran kajian terhadap minat pelajar dalam mata pelajaran KOMSAS. Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Bandura (1977) menekankan bahawa pembelajaran berlaku melalui pemerhatian, peniruan, dan pemodelan. Teori ini relevan dalam konteks pembelajaran KOMSAS kerana ia menekankan interaksi antara pelajar, guru, dan persekitaran pembelajaran. Tiga elemen utama teori ini ialah:

- i. Pemodelan (Modeling): Pelajar mempelajari tingkah laku, kemahiran, dan nilai melalui pemerhatian terhadap guru atau rakan sebaya yang menjadi model dalam pembelajaran KOMSAS. Guru boleh menggunakan pendekatan interaktif seperti bermain peranan atau pembentangan untuk menunjukkan cara memahami dan menghargai teks KOMSAS.
- ii. Proses Penguatan (Reinforcement): Motivasi pelajar dalam pembelajaran KOMSAS dapat dipengaruhi oleh ganjaran atau maklum balas yang positif, seperti pujian atau pengiktirafan atas usaha mereka. Pengukuhan ini membantu mengekalkan minat pelajar terhadap pembelajaran KOMSAS.
- iii. Interaksi Sosial (Social Interaction): Proses pembelajaran berlaku secara optimum apabila terdapat interaksi aktif antara pelajar, guru, dan rakan sebaya. Persekitaran pembelajaran yang menyokong kerjasama dan komunikasi dapat meningkatkan minat pelajar terhadap KOMSAS.



RAJAH 1. Kerangka Teori Pembelajaran Sosial-Bandura

Dalam konteks kajian ini, teori ini menjadi asas untuk memahami bagaimana persekitaran pembelajaran, pekerjaan ibu bapa, dan pengaruh sosial dapat membentuk minat pelajar terhadap pembelajaran KOMSAS.



RAJAH 2. Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual ini dibangunkan untuk menerangkan hubungan antara pemboleh ubah bebas (*Independent Variables*) dan pemboleh ubah bersandar (*Dependent Variable*) dalam konteks pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS). Dalam kajian ini, terdapat empat pemboleh ubah bebas utama yang mempengaruhi minat dan keberkesanan pembelajaran pelajar terhadap KOMSAS.

Pemboleh ubah bebas pertama ialah minat pelajar terhadap KOMSAS, yang dipengaruhi oleh pemerhatian mereka terhadap kaedah pengajaran guru dan peniruan model positif seperti rakan sebaya atau guru yang menunjukkan penghargaan terhadap elemen-elemen KOMSAS. Kedua, pengaruh pekerjaan ibu bapa turut menjadi faktor yang signifikan, di mana tahap sokongan, motivasi, dan ganjaran yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka dapat meningkatkan atau mengurangkan minat pelajar dalam pembelajaran KOMSAS.

Seterusnya, persekitaran pembelajaran memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Persekitaran yang kondusif melibatkan penggunaan kaedah pengajaran interaktif seperti perbincangan kumpulan dan aktiviti kreatif serta integrasi alat bantu digital seperti video interaktif dan aplikasi pembelajaran. Di samping itu, cabaran pembelajaran seperti kompleksiti kandungan KOMSAS, kekangan masa, dan penggunaan kaedah pengajaran tradisional yang kurang menarik dapat memberi kesan negatif kepada pengalaman pembelajaran pelajar jika tidak ditangani dengan baik. Dalam hal ini, cadangan pelajar mengenai pendekatan yang lebih interaktif dan inovatif, termasuk penggunaan drama atau aplikasi digital, memberikan peluang untuk meningkatkan daya tarikan bahan pembelajaran KOMSAS.

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah keberkesanan pembelajaran KOMSAS, yang diukur berdasarkan tahap minat dan penglibatan pelajar, serta peningkatan kemahiran mereka dalam memahami dan menghargai elemen sastera. Hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar menunjukkan bahawa faktor seperti minat, pengaruh ibu bapa, dan persekitaran pembelajaran memberikan kesan langsung kepada keberkesanan pembelajaran, manakala cabaran pembelajaran yang dikenalpasti berpotensi menjadi penghalang sekiranya tidak

diatasi. Dengan mengambil kira cadangan pelajar, pendekatan pembelajaran yang lebih relevan dan inovatif dapat diterapkan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran KOMSAS secara keseluruhan.

Kerangka konseptual ini memberikan panduan penting dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap KOMSAS serta bagaimana faktor tersebut boleh diurus untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar *Sri Bestari Private School* Kuala Lumpur.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif dengan instrumen soal selidik sebagai medium utama pengumpulan data. Reka bentuk ini dianggap sesuai kerana ia membolehkan penyelidik memperoleh data secara sistematik dan berskala dalam usaha memahami tahap minat, cabaran serta persepsi pelajar terhadap pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) dalam subjek Bahasa Melayu. Pendekatan ini turut sejajar dengan cadangan Creswell (2015), yang menyatakan bahawa reka bentuk kuantitatif sesuai digunakan untuk mengukur sikap, persepsi, atau ciri-ciri sampel dalam sesebuah populasi. Tambahan pula, penggunaan soal selidik dalam kajian pendidikan telah dibuktikan keberkesanannya dalam pelbagai kajian terdahulu yang meneliti pendekatan pengajaran dan keterlibatan pelajar, termasuk dalam konteks pengajaran sastera di bilik darjah (Jamian, 2023).

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah swasta di Kuala Lumpur, melibatkan 59 orang pelajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 yang mengikuti pembelajaran Bahasa Melayu. Pemilihan lokasi dan responden kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu penyelidik memilih sampel berdasarkan ciri-ciri tertentu yang bersesuaian dengan objektif kajian, seperti pengalaman langsung pelajar dengan KOMSAS dan kesediaan sekolah untuk bekerjasama. Teknik ini dianggap sesuai dalam kajian ini kerana ia membolehkan pengumpulan data daripada responden yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan secara langsung dengan isu yang dikaji. Menurut Gay, Mills dan Airasian (2012), *purposive sampling* amat berkesan dalam kajian yang bersifat fokus dan terhad kepada populasi khusus.

Dari segi saiz sampel, jumlah responden seramai 59 orang dianggap agak kecil dan tidak mewakili keseluruhan populasi pelajar sekolah menengah di Malaysia. Namun begitu, jumlah ini masih memadai bagi kajian bersifat eksploratori yang memberi tumpuan kepada konteks khusus seperti sekolah swasta bandar. Saiz sampel ini juga dipengaruhi oleh kekangan praktikal seperti masa, sumber dan akses kepada responden. Menurut Creswell (2015), walaupun saiz sampel yang kecil boleh menjejaskan kuasa statistik dan kebolehpayaan untuk mengesan hubungan yang kecil tetapi signifikan, ia tetap dapat menghasilkan dapatan yang bernilai sekiranya reka bentuk kajian mantap dan instrumen kajian sah. Oleh itu, hasil kajian ini perlu ditafsir dalam konteks keterbatasan tersebut dan boleh menjadi asas kepada kajian lanjutan berskala lebih besar.

Instrumen soal selidik telah dibina berdasarkan kerangka teori minat pelajar dan faktor persekitaran pembelajaran, serta disesuaikan dengan konteks tempatan. Soal selidik tersebut dibahagikan kepada lima bahagian utama, iaitu: Bahagian A (Demografi Pelajar), Bahagian B (Minat terhadap Pembelajaran), Bahagian C (Persekitaran Pembelajaran), Bahagian D (Cabaran Pembelajaran), dan Bahagian E (Cadangan Pelajar). Pengedaran soal selidik dijalankan melalui

platform Google Forms, dengan pemantauan seorang guru Bahasa Melayu dari sekolah berkenaan yang membantu memastikan proses pengisian berlaku secara sah dan lengkap.

Dari segi analisis data, statistik deskriptif digunakan bagi menganalisis Bahagian A hingga D. Frekuensi dan peratusan digunakan untuk menghuraikan maklumat latar belakang pelajar, manakala skor purata dan sisihan piawai digunakan bagi mengenal pasti tahap minat serta cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran KOMSAS. Bahagian B yang menyentuh minat pelajar menilai elemen seperti tahap keyakinan, motivasi dalaman, dan sikap terhadap kandungan KOMSAS. Bahagian C pula meneliti aspek persekitaran bilik darjah seperti kaedah penyampaian guru dan penggunaan bahan bantu mengajar, sebagaimana disarankan oleh Chew Fong Peng dan Yusof Siti Syahirah (2021) dalam kajian mereka yang menekankan kepentingan interaksi guru dalam meningkatkan penglibatan pelajar. Bahagian D mengenal pasti faktor cabaran termasuk kekangan masa, kesukaran memahami teks sastera, serta minat yang rendah terhadap genre tertentu dalam KOMSAS. Untuk Bahagian E, jawapan kualitatif dianalisis secara tematik, di mana jawapan pelajar dikategorikan berdasarkan cadangan seperti penggunaan teknologi, kaedah pengajaran yang lebih interaktif, dan penyesuaian bahan KOMSAS dengan konteks semasa. Pendekatan analisis tematik ini disokong oleh Braun dan Clarke (2006), yang menekankan bahawa kaedah ini sesuai bagi mengenal pasti pola dalam data kualitatif secara sistematik.

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, soal selidik telah disemak oleh pakar dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu dan sastera, yang memberikan maklum balas terhadap kefahaman pelajar, kejelasan struktur soalan, serta kesesuaian kandungan dengan objektif kajian. Pemeriksaan pakar merupakan satu pendekatan yang lazim digunakan dalam penyelidikan sosial untuk memastikan instrumen kajian mencapai tahap sahih dan sesuai digunakan dalam konteks sebenar (Gay et al., 2012). Dengan pendekatan ini, kajian ini diyakini dapat menghasilkan dapatan yang sah, boleh dipercayai, dan bermanfaat dalam merangka strategi pengajaran KOMSAS yang lebih berkesan pada masa hadapan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan jadual 1 yang diberikan, seramai 59 orang pelajar telah terlibat sebagai responden kajian ini. Daripada jumlah tersebut, 28 orang (47.5%) adalah lelaki, manakala 31 orang (52.5%) adalah perempuan. Peratusan ini menunjukkan bahawa jumlah responden perempuan adalah sedikit lebih tinggi berbanding lelaki, dengan perbezaan sekitar 5%.

Secara keseluruhan, taburan jantina dalam kajian ini adalah seimbang, membolehkan analisis seterusnya memberikan pandangan yang mewakili kedua-dua kumpulan jantina. Hasil ini juga membuka ruang untuk mengkaji perbezaan atau persamaan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam aspek minat, cabaran, dan pengalaman pembelajaran KOMSAS.

JADUAL 1. Jantina Responden

Jantina	Bilangan	Peratus(%)
Lelaki	28	47.5
Perempuan	31	52.5
Jumlah	59	100.0

Responden majoritinya adalah berbangsa Cina (71.2%), diikuti oleh India (15.3%) dan Melayu (13.6%). Taburan ini mencerminkan kepelbagaian etnik dalam kalangan pelajar, dengan dominasi responden Cina. Data ini memberi peluang untuk mengkaji pengaruh latar belakang etnik terhadap minat, cabaran, dan pengalaman pembelajaran KOMSAS.

JADUAL 2. Bangsa Responden

Bangsa	Bilangan	Peratus(%)
Melayu	8	13.6
Cina	42	71.2
India	9	15.3
Lain-lain	0	0
Jumlah	59	100.0

Jadual 3 menunjukkan bahawa majoriti daripada responden adalah pelajar Tingkatan 5, iaitu sebanyak 19 orang (32.2%), diikuti oleh 11 orang (18.7.3%) pelajar Tingkatan 4. Pelajar tingkatan 5 lebih dominan kerana pelajar ini merupakan calon yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Minat mereka terhadap mata pelajaran KOMSAS memberi pengaruh yang besar untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan.

JADUAL 3. Tingkatan Responden

Tingkatan	Bilangan	Peratus(%)
1	10	16.9
2	10	16.9
3	9	15.3
4	11	18.7
5	19	32.2
Jumlah	59	100.0

Dalam jadual 4, majoriti responden tinggal di kawasan bandar, iaitu sebanyak 54 orang (91.5%), manakala hanya 5 orang (8.5%) tinggal di kawasan luar bandar. Ini disebabkan oleh kedudukan sekolah yang dikaji terletak di Kuala Lumpur. Namun begitu terdapat juga pelajar dari luar bandar belajar di sekolah Sri Bestari Private School, Kuala Lumpur.

JADUAL 4. Tempat Tinggal

Tempat tinggal	Bilangan	Peratus
Bandar	54	91.5
Luar Bandar	5	8.5
Jumlah	59	100.0

Jadual 5 pula berkaitan dengan pekerjaan bapa responden. Pekerjaan bapa responden menunjukkan taburan yang pelbagai. Kategori “Lain-lain” mencatatkan frekuensi tertinggi, iaitu sebanyak 28 orang (47.4%). Ini menunjukkan hampir separuh daripada responden mempunyai

bapa yang bekerja dalam bidang selain daripada kategori utama yang dinyatakan. Selain itu, “Peniaga” merupakan pekerjaan kedua tertinggi dengan 13 orang (22%), diikuti oleh “Pengurus” dengan 9 orang (15.3%). Pekerjaan seperti “Jurutera” dan “Doktor” masing-masing mencatat 4 orang (6.8%). Pekerjaan “Pekerja kilang” pula mencatat bilangan paling sedikit, iaitu hanya 1 orang (1.7%).

JADUAL 5. Pekerjaan Bapa

Pekerja	Bilangan	Peratus(%)
Peniaga	13	22
Jurutera	4	6.8
Doktor	4	6.8
Pengurus	9	15.3
Pekerja kilang	1	1.7
Lain-lain	28	47.4
Jumlah	59	100.0

Bagi pekerjaan ibu dalam jadual 6 turut menunjukkan kategori “Lain-lain” mencatatkan frekuensi tertinggi, iaitu sebanyak 24 orang (40.6%). Ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada ibu responden mempunyai pekerjaan di luar kategori utama yang disenaraikan. Selain itu, pekerjaan sebagai “Guru” merupakan kategori kedua tertinggi dengan 13 orang (22%), diikuti oleh “Pengurus” sebanyak 8 orang (13.6%). Pekerjaan seperti “Peniaga” (8.5%) dan “Doktor” serta “Akauntan” masing-masing mencatat 4 orang (6.8%). Sementara itu, kategori “Pesara” mencatatkan bilangan paling rendah, iaitu hanya 1 orang (1.7%).

JADUAL 6. Pekerjaan Ibu

Pekerja	Bilangan	Peratus(%)
Guru	13	22
Peniaga	5	8.5
Doktor	4	6.8
Akauntan	4	6.8
Pengurus	8	13.6
Pesara	1	1.7
Lain-lain	24	40.6
Jumlah	59	100.0

Tahap minat pelajar terhadap Komponen Sastera KOMSAS secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Soalan yang mencatatkan purata tertinggi ialah keyakinan bahawa KOMSAS membantu meningkatkan kemahiran menghayati sastera, dengan min skor 3.20 dan sisihan piawai 0.846, menunjukkan pandangan yang lebih konsisten di kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, minat pelajar terhadap aspek lain seperti membaca karya sastera ($M = 2.81$) dan mengetahui latar belakang budaya dan sejarah sastera Melayu ($M = 2.95$) hanya berada pada tahap sederhana, dengan variasi pendapat yang agak tinggi berdasarkan sisihan piawai masing-masing.

Selain itu, inisiatif pelajar untuk meminjam buku berkaitan KOMSAS di perpustakaan adalah yang paling rendah, dengan min skor 2.02. Ini mencerminkan kurangnya tindakan aktif pelajar dalam melibatkan diri dengan pembelajaran KOMSAS di luar bilik darjah. Variasi pendapat pelajar mengenai minat dan inisiatif ini agak ketara, menunjukkan terdapat perbezaan pandangan di kalangan mereka.

JADUAL 7. Minat Pembelajaran

Bil.	Item	Min	Sishan Piawai
1	Saya berminat untuk mempelajari Komponen Sastera KOMSAS.	2.76	1.165
2	Saya gemar membaca karya sastera (cth. novel, cerpen, puisi) dalam KOMSAS.	2.81	1.196
3	Saya berminat untuk mengetahui latar belakang budaya dan sejarah karya sastera Melayu.	2.95	1.265
4	KOMSAS dapat membantu saya meningkatkan kemahiran menghayati sastera.	3.20	.846
5	KOMSAS menarik minat saya untuk mengkaji masyarakat Malaysia.	2.97	1.159
6	Saya mengambil inisiatif untuk meminjam buku berkaitan KOMSAS dari perpustakaan sekolah.	2.02	1.137

Berdasarkan dapatan ini, beberapa langkah boleh diambil untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran KOMSAS. Aktiviti pembelajaran yang lebih kreatif dan interaktif boleh diperkenalkan untuk memupuk minat membaca pelajar. Selain itu, sekolah boleh menggalakkan pelajar memanfaatkan perpustakaan melalui kempen peminjaman buku atau menyediakan akses kepada sumber digital berkaitan KOMSAS. Guru juga boleh mengaitkan elemen KOMSAS dengan konteks kehidupan nyata bagi menunjukkan relevansinya dalam memahami budaya dan sejarah masyarakat Malaysia. Langkah-langkah ini boleh membantu meningkatkan minat pelajar terhadap KOMSAS dan memperbaiki pengalaman pembelajaran mereka.

PENGARUH PEKERJAAN IBU BAPA TERHADAP MINAT PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN KOMSAS

Berdasarkan hasil analisis, pekerjaan ibu bapa mempunyai keupayaan tertentu untuk meramal minat pelajar terhadap pembelajaran KOMSAS, tetapi tahap penerangannya adalah terhad. Berdasarkan hasil “Model Summary”, nilai R ialah 0.393, menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana antara pekerjaan ibu bapa dan minat pelajar terhadap KOMSAS. Nilai R Square sebanyak 0.155 menunjukkan bahawa pekerjaan ibu bapa hanya mampu menerangkan 15.5% daripada variasi minat pelajar, manakala 84.5% variasi lain dijelaskan oleh faktor lain. Nilai Adjusted R Square ialah 0.125, menunjukkan model ini mempunyai tahap kestabilan yang sedikit menurun apabila diaplikasikan kepada populasi yang lebih luas tetapi tetap relevan.

Melalui jadual ANOVA, didapati model ini adalah signifikan secara statistik dengan nilai $p=0.009$ ($p<0.05$), menunjukkan bahawa pekerjaan ibu bapa mempunyai keupayaan yang signifikan untuk meramal minat pelajar. Nilai F ialah 5.128, menunjukkan model ini lebih baik dalam membuat ramalan berbanding kaedah menggunakan purata sahaja. Jumlah varians regresi ialah 12.179, yang merangkumi 15.5% daripada jumlah keseluruhan varians, mengesahkan kesan pekerjaan ibu bapa terhadap minat pelajar.

Berdasarkan jadual Coefficients, pekerjaan ibu menunjukkan kesan negatif yang signifikan terhadap minat pelajar ($B=-0.104$, $\text{Sig.}=0.030$). Ini bermaksud apabila tahap pekerjaan ibu meningkat, minat pelajar terhadap pembelajaran KOMSAS berkurang sebanyak 0.104 unit secara purata. Kemungkinan ini disebabkan oleh pengurangan masa atau perhatian ibu dalam menyokong pendidikan anak-anak mereka. Sebaliknya, pekerjaan ayah tidak menunjukkan kesan yang signifikan terhadap minat pelajar ($B=-0.030$, $\text{Sig.}=0.553$), yang menunjukkan pengaruh langsung ayah terhadap minat pelajar adalah lebih kecil.

Secara keseluruhan, walaupun pekerjaan ibu bapa mempunyai kesan terhadap minat pelajar, sumbangannya kepada variasi minat adalah terhad. Kebanyakan variasi minat pelajar mungkin dipengaruhi oleh faktor lain seperti sikap pelajar terhadap mata pelajaran, kaedah pengajaran di sekolah, dan sokongan pendidikan dalam keluarga. Oleh itu, kajian masa depan perlu mempertimbangkan faktor-faktor tambahan ini. Dalam konteks praktikal, untuk keluarga di mana pekerjaan ibu mempunyai tuntutan yang tinggi, sekolah boleh memainkan peranan penting dengan menyediakan sokongan tambahan melalui aktiviti kelas atau bimbingan luar waktu kelas. Selain itu, peranan ayah dalam menyokong pembelajaran sastera anak-anak perlu digalakkan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap KOMSAS. Model ini memberikan asas penting untuk memahami hubungan antara pekerjaan ibu bapa dan minat pelajar serta menyediakan cadangan bagi meningkatkan minat pelajar melalui pendekatan pendidikan yang lebih inklusif.

JADUAL 8. *Model Summary*

<i>Model</i>	<i>R</i>	<i>R Square</i>	<i>Adjusted R Square</i>	<i>Std Error of the Estimate</i>
1	.393 ^a	.155	.125	1.090

a. *Predictors: (Constant), Pekerjaan ibu, Pekerjaan ayah*

JADUAL 9. ANOVA^a

<i>Model</i>		<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
1	Regression	12.179	2	6.090	5.128	.009 ^b
	Residual	66.499	56	1.187		
	Total	78.678	58			

a. *Dependent Variable:* 1. Saya berminat untuk mempelajari Komponen Sastra KOMSAS

b. *Predictors:* (Constant), Pekerjaan ibu, Pekerjaan ayah

JADUAL 10. *Coefficients*^a

<i>Model</i>		<i>Unstandardized B</i>	<i>Coefficients Std. Error</i>	<i>Standardized Coefficients Beta</i>	<i>t</i>	<i>Sig.</i>
1	(Constant)	3.594	.325		11.064	<.001
	Pekerjaan ayah	-.030	.051	-.090	-.597	.553
	Pekerjaan ibu	-.104	.047	-.335	-2.233	.030

a. *Dependent Variable:* 1. Saya berminat untuk mempelajari Komponen Sastra KOMSAS

Dalam jadual 11, menunjukkan kecenderungan pelajar yang positif terhadap beberapa kaedah pengajaran dalam pembelajaran KOMSAS. Sesi interaktif dalam kelas mencatatkan purata skor tertinggi (3.86), menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar sangat menyukai pendekatan ini. Selain itu, aktiviti kumpulan juga mendapat skor yang tinggi (3.53), mencerminkan keberkesannya dalam meningkatkan keterlibatan pelajar. Perbincangan sesama rakan sebaya turut dinilai positif dengan min skor 3.61, menunjukkan kaedah ini bermanfaat dalam membantu pelajar memahami kandungan KOMSAS.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian. Kaedah pengajaran guru mencatat min skor sederhana (2.98), menunjukkan keperluan untuk memperbaiki pendekatan pengajaran agar lebih menarik minat pelajar. Aktiviti mendeklamasikan puisi atau sajak mencatat min 3.31, menunjukkan minat sederhana terhadap aktiviti ini. Begitu juga, penggunaan media elektronik dalam pembelajaran KOMSAS mendapat min skor 3.32, yang walaupun positif, masih memerlukan lebih banyak inovasi untuk memaksimumkan potensinya.

Secara keseluruhan, analisis ini mencadangkan bahawa kaedah pengajaran yang lebih interaktif dan inovatif, seperti sesi perbincangan, penggunaan teknologi digital, dan aktiviti kumpulan, mempunyai potensi besar untuk meningkatkan minat pelajar terhadap KOMSAS. Aktiviti seperti mendeklamasikan puisi boleh diperkaya dengan elemen kreatif, seperti pertandingan atau pementasan, untuk menarik lebih banyak minat pelajar. Pendekatan ini boleh membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pengalaman pelajar dalam KOMSAS.

JADUAL 11. Persekitaran Pembelajaran

<i>Bil.</i>	<i>Item</i>	<i>Min</i>	<i>Sishan Piawai</i>
1	Guru saya menggunakan kaedah pengajaran yang menarik untuk mengajar KOMSAS.	2.98	1.008

2	Saya rasa perbincangan sesama rakan sekelas dalam kelas membantu saya memahami kandungan KOMSAS.	3.61	1.232
3	Saya suka guru mengajar KOMSAS dengan menerangkan latar belakang sastera dan budaya sejarah.	3.51	1.006
4	Saya suka sesi interaktif dalam kelas untuk mempelajari KOMSAS.	3.86	1.121
5	Saya suka aktiviti kumpulan dijalankan di dalam kelas untuk mempelajari KOMSAS.	3.53	1.278
6	Saya suka guru menggunakan media elektronik untuk mengajar KOMSAS.	3.32	1.041
7	Saya suka guru mendeklamasikan puisi/sajak semasa mengajar KOMSAS.	3.31	1.249

Dalam jadual 12 memperlihatkan beberapa cabaran utama dalam pembelajaran KOMSAS telah dikenal pasti. Responden memberikan skor min tertinggi (4.12) terhadap kebimbangan mengenai keputusan peperiksaan KOMSAS yang kurang baik, menunjukkan ini merupakan isu utama yang dihadapi pelajar. Selain itu, banyak responden merasakan bahawa beberapa bahan KOMSAS tidak relevan dengan kehidupan seharian, khususnya prosa tradisional, dengan min skor 3.97. Kandungan KOMSAS juga dinilai sebagai terlalu sukar untuk difahami, dengan min skor 3.90, menunjukkan keperluan untuk menyederhanakan atau mempermudah bahan pembelajaran.

Dari segi kandungan dan beban pembelajaran, pelajar menyatakan bahawa waktu pembelajaran di kelas tidak mencukupi untuk mengkaji KOMSAS secara mendalam ($M=3.75$), dan kandungan KOMSAS dianggap terlalu banyak ($M=3.66$). Bahasa yang digunakan dalam KOMSAS juga dinilai terlalu kompleks dengan skor min 3.54. Cabaran lain termasuk tugas pembelajaran yang terlalu banyak ($M=3.39$) dan kekurangan kemahiran untuk menganalisis unsur sastera seperti tema dan watak ($M=3.44$). Sebaliknya, isu kandungan KOMSAS yang membosankan mencatat skor min terendah (2.97), menunjukkan bahawa ini bukan cabaran utama yang dirasakan oleh pelajar.

Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa kebimbangan pelajar terhadap keputusan peperiksaan, relevansi bahan, kesukaran kandungan, dan kekangan waktu pembelajaran adalah cabaran utama dalam pembelajaran KOMSAS. Untuk mengatasi cabaran ini, guru boleh mempertimbangkan kaedah pengajaran yang lebih relevan dengan kehidupan pelajar, memperbaiki struktur kandungan KOMSAS agar lebih mudah difahami, dan memberikan lebih banyak latihan berstruktur untuk meningkatkan kemahiran analisis unsur sastera. Selain itu, penjadualan waktu tambahan atau sesi pembelajaran tambahan juga boleh membantu pelajar mendalami pemahaman mereka terhadap KOMSAS.

JADUAL 12. Cabaran Pembelajaran

Bil.	Item	Min	Sishan Piawai
1	Saya rasa kandungan KOMSAS terlalu sukar untuk difahami.	3.90	.959
2	Saya rasa bahasa dalam KOMSAS terlalu kompleks.	3.54	1.104

3	Saya rasa tugas pembelajaran KOMSAS terlalu banyak (seperti membaca, menganalisis).	3.39	1.145
4	Saya tidak mahir cara menganalisis unsur sastera (cth. tema, watak) dalam KOMSAS.	3.44	1.303
5	Saya risau keputusan peperiksaan KOMSAS kurang baik.	4.12	.984
6	Saya rasa beberapa bahan KOMSAS tidak relevan dengan kehidupan seharian khususnya prosa tradisional.	3.97	.928
7	Saya rasa kandungan KOMSAS membosankan.	2.97	1.189
8	Saya rasa kandungan KOMSAS terlalu banyak.	3.66	1.060
9	Saya rasa waktu pembelajaran kelas tidak cukup untuk mengaji KOMSAS secara mendalam.	3.75	1.092

Rajah 3 menunjukkan cadangan yang diberikan oleh responden, terdapat beberapa cadangan utama untuk menambah baik bahan bacaan KOMSAS di sekolah. Antara yang sering disebut ialah penggunaan kaedah yang lebih interaktif dan kreatif, seperti mengadakan sesi drama, menggunakan aplikasi seperti Canva, serta memanfaatkan media elektronik. Cadangan ini bertujuan untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan. Selain itu, penggunaan visual seperti video berkaitan cerita KOMSAS turut dicadangkan untuk membantu pelajar memahami cerita secara lebih mudah dan meningkatkan daya tarikan bahan bacaan.

Responden juga mencadangkan penambahbaikan terhadap kandungan bahan bacaan, seperti menyediakan versi cerita dalam bentuk komik ringkas yang mudah difahami, memendekkan teks novel yang terlalu panjang, dan memastikan kandungan lebih relevan dengan kehidupan pelajar. Aktiviti interaktif seperti pembelajaran berkumpulan turut disarankan untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam memahami elemen sastera. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan responden yang tidak pasti atau tidak tahu cadangan yang boleh diberikan, yang mungkin mencerminkan keperluan bimbingan lanjut mengenai cara KOMSAS boleh diperbaiki.

Tambah drama
membaca dan memahami maksud bahasa klasik
With more interaction and interesting way
Memlihat video berkaitan cerita KOMSAS untuk memberikan visual and pemahaman yang lebih baik
Menggunakan kaedah yang menarik
Mengada aktiviti berkaitan komeas untuk menarik minat murid
Saya tak tahu
Novel sangat panjang
saya tidak pasti
Kurang bosan
Mempunyai kaedah pengajaran yang menyeronokkan dan menarik
Menggunakan elektronik semasa mengajar
Menggunakan aplikasi seperti Canva agar pembelajaran lebih menarik
-
Tambah drama
membaca dan memahami maksud bahasa klasik
With more interaction and interesting way
Memlihat video berkaitan cerita KOMSAS untuk memberikan visual and pemahaman yang lebih baik
Menggunakan kaedah yang menarik
Mengada aktiviti berkaitan komeas untuk menarik minat murid
Saya tak tahu
Novel sangat panjang
saya tidak pasti
Kurang bosan
Mempunyai kaedah pengajaran yang menyeronokkan dan menarik
Menggunakan elektronik semasa mengajar
Menggunakan aplikasi seperti Canva agar pembelajaran lebih menarik
-
Mungkin boleh sediakan kandungan cerita dalam bentuk komik yang ringkas dan mudah difahami
penggunaan media elektronik yang lebih efektif untuk menarik minat pelajar
Melakukan pembelajaran yang interaktif

RAJAH 3. Cadangan Responden

Secara keseluruhannya, cadangan yang diberikan menekankan keperluan untuk menjadikan bahan bacaan KOMSAS lebih relevan, menarik, dan sesuai dengan keupayaan pelajar. Penggunaan teknologi, kaedah pengajaran kreatif, dan penyesuaian kandungan bahan bacaan dapat membantu meningkatkan minat serta pemahaman pelajar terhadap KOMSAS.

RUMUSAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian berkaitan minat dan cabaran dalam pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) oleh pelajar-pelajar Sri Bestari Private School Kuala Lumpur. Kajian telah menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap KOMSAS berada pada tahap sederhana, dengan kebimbangan terhadap keputusan peperiksaan mencatat skor tertinggi sebagai cabaran utama. Majoriti pelajar menghargai sesi interaktif dan aktiviti berkumpulan, manakala penggunaan media elektronik serta kaedah pengajaran tradisional memerlukan penambahbaikan. Selain itu, pekerjaan ibu bapa didapati mempengaruhi tahap minat pelajar terhadap KOMSAS, bagi pelajar yang ibu bapa mereka bekerja dalam bidang pendidikan dan pengurusan pula cenderung menunjukkan minat yang lebih tinggi.

Tahap minat pelajar terhadap KOMSAS secara keseluruhan berada pada tahap sederhana. Pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap elemen interaktif, seperti sesi perbincangan kumpulan dan penggunaan aktiviti kreatif. Walau bagaimanapun, inisiatif pelajar untuk melibatkan diri secara aktif di luar bilik darjah, seperti meminjam buku di perpustakaan, adalah rendah. Hal ini selari dengan dapatan Radzi Hamidah dan Ibrahim Khairuddin (2010), yang menunjukkan bahawa pelajar sering kurang berminat terhadap elemen sastera kerana menganggapnya kurang relevan.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa cabaran utama dalam pembelajaran KOMSAS termasuk kebimbangan terhadap keputusan peperiksaan, kandungan teks yang dianggap tidak relevan, dan bahasa yang terlalu kompleks. Abdul Rasid Jamian (2017) menekankan bahawa kaedah pengajaran tradisional yang terlalu berpusatkan guru menyukarkan pelajar untuk memahami dan mengaplikasikan elemen sastera secara mendalam. Waktu pembelajaran yang terhad di kelas juga dikenal pasti sebagai kekangan utama. Oleh itu, guru perlu mencari jalan untuk menyederhanakan kandungan dan mengaitkannya dengan kehidupan nyata bagi meningkatkan daya tarikan KOMSAS.

Selain itu, persekitaran pembelajaran memainkan peranan penting dalam keberkesanan KOMSAS. Sesi interaktif dan kaedah pengajaran yang menarik didapati meningkatkan pemahaman pelajar terhadap sastera. Kajian oleh Chew Fong Peng dan Siti Syahirah Yusof (2021) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi digital, seperti video interaktif dan aplikasi pembelajaran, dapat meningkatkan daya tumpuan pelajar terhadap kandungan sastera. Walau bagaimanapun, kekurangan penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran KOMSAS masih menjadi isu yang memerlukan perhatian. Oleh itu, integrasi alat digital dan pendekatan kreatif harus dipertingkatkan.

Sementara itu, pekerjaan ibu bapa turut mempengaruhi tahap minat pelajar terhadap KOMSAS. Pelajar yang ibu bapa mereka bekerja dalam bidang pendidikan atau pengurusan menunjukkan minat yang lebih tinggi, manakala pelajar yang ibu bapa mereka bekerja dalam bidang teknikal atau saintifik cenderung mempunyai minat yang lebih rendah. Penemuan ini sejajar dengan dapatan Badli dan Mohamed (2021) yang menunjukkan bahawa penglibatan ibu

bapa dalam pendidikan anak-anak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap perkembangan kognitif dan motivasi pembelajaran. Kajian mereka mendapati bahawa ibu bapa yang berpendidikan tinggi atau lebih terlibat dalam aktiviti pembelajaran anak-anak cenderung memberi galakan kepada pembacaan di rumah, sekali gus membantu meningkatkan minat terhadap pembelajaran sastera seperti KOMSAS. Oleh itu, sokongan dan keterlibatan aktif keluarga terbukti menjadi faktor penting dalam membentuk persepsi dan kecenderungan pelajar terhadap pembelajaran KOMSAS.

Kajian ini menekankan pentingnya menyediakan aktiviti pembelajaran yang lebih interaktif untuk meningkatkan minat pelajar terhadap KOMSAS. Guru perlu mengintegrasikan elemen kreatif dan relevan dengan kehidupan pelajar. Dalam hal ini, guru perlu mengadaptasi kaedah pengajaran mereka untuk memenuhi keperluan pelajar yang berbeza. Penggunaan teknologi digital, seperti aplikasi pembelajaran dan video interaktif, boleh membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran.

Bukan hanya guru sahaja yang perlu memainkan peranan tetapi pihak pembuat dasar pendidikan juga perlu mempertimbangkan untuk menyemak semula kurikulum KOMSAS, dengan memberikan fokus kepada kandungan yang relevan dan menarik. Selain itu, penyediaan latihan untuk guru dalam menggunakan pendekatan pengajaran inovatif juga penting.

Dalam memberi kesan yang mendalam terhadap mata pelajaran KOMSAS, teori Konstruktivisme yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran aktif dan interaksi sosial memainkan peranan penting dalam pemahaman pelajar terhadap KOMSAS. Sebagai contoh, penggunaan alat digital seperti pemetaan minda dapat membantu pelajar mengorganisasikan idea mereka dengan lebih baik. Oleh itu, pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar perlu diberi penekanan dalam pengajaran sastera.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberikan gambaran menyeluruh tentang kedudukan minat dan cabaran pembelajaran KOMSAS dalam konteks sekolah swasta di bandar. Secara keseluruhan, hasil kajian memperlihatkan bahawa peningkatan minat pelajar memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih inovatif, bersifat interaktif, dan relevan dengan realiti kehidupan mereka. Hal ini penting untuk memastikan pembelajaran KOMSAS tidak hanya dilihat sebagai kewajipan akademik, tetapi juga sebagai medium untuk memperkaya kemahiran bahasa dan penghayatan sastera.

Dalam konteks sekolah swasta seperti Sri Bestari Private School Kuala Lumpur, dapatan kajian menegaskan bahawa kemudahan pembelajaran yang moden sahaja tidak menjamin minat yang tinggi sekiranya kandungan dan strategi penyampaian tidak disesuaikan dengan keperluan serta latar belakang pelajar. Justeru, guru perlu memanfaatkan infrastruktur dan sumber yang ada untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik, manakala pihak sekolah perlu menyokong inovasi pedagogi yang mendorong penglibatan aktif pelajar.

Implikasi kajian ini melangkaui bilik darjah, di mana kerjasama antara guru, pihak sekolah, dan ibu bapa amat diperlukan untuk membina persekitaran pembelajaran yang kondusif. Pihak pembuat dasar pendidikan pula boleh menjadikan penemuan ini sebagai asas untuk menilai semula kandungan dan pendekatan KOMSAS dalam kurikulum kebangsaan, supaya lebih mesra pelajar dan inklusif.

Akhirnya, kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang melibatkan pelbagai jenis sekolah, termasuk sekolah awam dan swasta, dengan saiz sampel yang lebih besar. Kajian akan datang juga disaran untuk meneroka faktor-faktor lain yang berpotensi mempengaruhi minat pelajar, seperti peranan rakan sebaya, sikap guru, dan motivasi dalaman, bagi mendapatkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang pembelajaran KOMSAS di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Jobar Nor Amalina, Idris Mohd Ridhwan, Mohamed Adibah, Rusli Nur Farahin, & Mahamod Zamri. 2020. The application of literary components (KOMSAS) materials in teaching and learning the Malay language among secondary school students. *Universal Journal of Educational Research*, 8(12A), 7547-7554.
- Abdul Rasid Jamian, Misdon, & Sabil Abdul Majid. 2017. Penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pemahaman KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 51-59.
- Abdul Rasid Jamian. 2023. Penggunaan bahan Komponen Sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 89-99.
- Ahmad Farid, Lazim Zulkifli Mohamad, & Ibrahim Khairuddin. 2010. KOMSAS: Penguasaan konflik dan harapan pelajar. *Jurnal Linguistik*, 10(1), 20-31.
- Badli Shah Azizan, & Mohamed Siti. 2021. Hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan perkembangan kanak-kanak di Tabika Kemas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 273-284.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Braun, V., & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Chew Fong Peng, & Majelan Norazah. 2019. Pelaksanaan pendidikan perpaduan menerusi teks KOMSAS dalam kalangan pelajar tingkatan dua: Implementation of unity education through KOMSAS texts among the form two students. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 75-90.
- Chew Fong Peng, & Yusof Siti Syahirah. 2021. Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap peta pemikiran i-Think dalam pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 15-25.
- Creswell, J. W. 2015. *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (5th ed.). Pearson.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. 2012. *Educational research: Competencies for analysis and applications* (10th ed.). Pearson.
- Janang Johnny Lamba, & Mahamod Zamri. 2023. Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu terhadap murid sekolah menengah melalui pendekatan terbeza. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 291-300.
- Mahamod Zamri, & Hassan Jalina. 2018. Persepsi guru Bahasa Melayu tentang penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan masalah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan KOMSAS. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 41-50.
- Nur Aida Nabilah Norbadrizal, Nur Aqilla Azman, & Nurhusna Afifah Muhamad Faiesal. 2023. Kepimpinan melalui teladan: Visualization of traditional prose in KOMSAS using 2D animation as a teaching aid in learning: A case study of Form 4 syllabus. *Jurnal Tuah*, 4(1), 166-178.

- Omar Anuar, Zahari Mohd Azman Mustaffa, & Sintian Maimunah. 2019. Confidence and success of teachers integrating ICT in TAF enhancing student interests in Malay literature. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*, 8(3), 3861-3868.
- Radzi Hamidah, & Ibrahim Khairuddin. 2010. Perspektif guru dan murid terhadap penguasaan Bahasa Melayu dan KOMSAS. *Jurnal Sastera*, 1(1), 45-58.
- Veloo Ravindran Murugaiah, & Ayob Azizi. 2020. Pembelajaran aktif dalam talian untuk cerpen komponen sastera: Analisis pencapaian, minat dan tingkah laku. *International Journal of Modern Education*, 2(7), 141-165.
- Zohomi Nurul Aini Mohd, Bakri Mohd Azlan, Mannogaran Veerappan, & Nadarajah Suresh. 2022. Penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2), 144-153.

Biodata Penulis:

Yang Liting merupakan pelajar berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Bahasa Melayu) dari Yunnan Minzu Universiti, China. Kini merupakan pelajar Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Malaya dengan tumpuan kepada strategi pembelajaran bahasa dan pemerolehan bahasa kedua.

APPENDIX A

Sorotan Kajian

Tajuk	Penulis / Tahun	Metodologi	Dapatan	Jurang
1. Kepimpinan melalui teladan: Visualization of traditional prose in KOMSAS using 2D animation as a teaching aid in learning: A case study of Form 4 syllabus	Nur Aida Nabilah Norbadriza I, Nur Aqilla Azman, & Nurhusna Afifah Muhamad Faiesal. (2023)	Kaedah yang digunakan ialah kaedah campuran seperti temu bual separa berstruktur dan soal selidik tertutup.	Penggunaan animasi 2D sebagai bahan bantu pembelajaran meningkatkan pemahaman, minat, dan keupayaan pelajar dalam menjawab soalan berkaitan prosa tradisional KOMSAS.	Terdapat kekurangan aktiviti pengajaran yang menarik dan strategi yang efektif untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam kelas KOMSAS.
2. Confidence and success of teachers integrating ICT in TAF enhancing student interests in Malay literature	Omar Anuar, Zahari Mohd Azman Mustaffa, & Sintian Maimunah. (2019)	Kualitatif: analisis teks, penyelidikan perpustakaan dan kaedah lapangan	Integrasi ICT dalam pengajaran sastera Melayu meningkatkan keyakinan guru, minat dan pemahaman melalui pendekatan pembelajaran yang dinamik dan interaktif.	Terdapat kekurangan kemahiran guru dalam penggunaan ICT secara menyeluruh, serta kurangnya pendekatan inovatif dalam mengintegrasikan teknologi ke dalam pengajaran kesusasteraan Melayu.

3. Penggunaan Bahan Komponen Sastera Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu.	Abdul Rasid Jamian. (2023)	Deskriptif tinjauan bagi menerangkan pelaksanaan penggunaan bahan KOMSAS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah.	Murid Tingkatan 4 kurang berminat terhadap bahan KOMSAS kecuali genre tertentu seperti cerpen, namun mereka masih menghargai nilai pembelajaran KOMSAS, sementara guru kurang peka terhadap strategi pengajaran yang sesuai untuk meningkatkan penglibatan murid.	Guru kurang peka dalam memilih strategi pengajaran kreatif dan inovatif, sementara murid menghadapi kesulitan memahami teks KOMSAS yang kompleks serta kekurangan aktiviti pembelajaran yang melibatkan mereka secara aktif
4. Pengetahuan, Sikap Dan Kesediaan Pelajar Terhadap Peta Pemikiran I-Think Dalam Pembelajaran Komsas Dalam Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah	Chew Fong Peng, & Yusof Siti Syahirah. (2021)	Kuantitatif dengan soal selidik melibatkan 243 pelajar tingkatan 2 dari tiga zon di Semenanjung Malaysia menggunakan analisis SPSS	Pelajar menunjukkan tahap tinggi dalam pengetahuan, sikap, dan kesediaan terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think, dengan perbezaan signifikan mengikut jantina.	Keperluan guru memahami perbezaan jantina dan mengintegrasikan kaedah i-Think untuk meningkatkan pemikiran aras tinggi (KBAT) dalam KOMSAS.
5. The Use of i-Think Mind Map in KOMSAS Learning in Malay Language Students	Zohomi Nurul Aini Mohd, Bakri Mohd Azlan, Mannogara n	Kajian tinjauan kuantitatif dengan soal selidik atas talian kepada 169 pelajar	Tahap pengetahuan, sikap, dan kesediaan pelajar terhadap peta pemikiran i-Think dalam KOMSAS adalah tinggi.	Tidak mengkaji faktor lain seperti persekitaran pembelajaran atau latar belakang sosial.

Secondary School	Veerappan, & Nadarajah Suresh. (2022)	tingkatan 4 dan 5 di Klang		
6. Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu Terhadap Murid Sekolah Menengah Melalui Pendekatan Terbeza	Janang Johnny Lamba, & Mahamod Zamri. (2023)	Kajian kuantitatif dengan soal selidik skala Likert melibatkan 256 pelajar Tingkatan 2 di Kapit, Sarawak.	Sikap sederhana terhadap KOMSAS, pelajar perempuan lebih berminat berbanding lelaki.	Pendekatan terbeza perlu kajian lanjut untuk pengoptimuman pengajaran.
7. Pembelajaran aktif dalam talian untuk cerpen komponen sastera: analisis pencapaian, minat dan tingkah laku	Veloo Ravindran Murugaiah, & Ayob Azizi. (2020)	Kajian menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 350 murid Tingkatan Empat dari 10 sekolah di Zon Bangsar dengan analisis data dilakukan menggunakan SPSS, melibatkan ujian-t dan Anova.	Pembelajaran aktif dalam talian untuk KOMSAS berjaya meningkatkan minat, pencapaian, dan tingkah laku murid, walaupun terdapat perbezaan berdasarkan jantina dan aliran pembelajaran.	Masih terdapat keperluan untuk modul pelaksanaan yang lebih baik bagi pembelajaran aktif dalam talian, terutama untuk guru dan murid yang kurang mahir menggunakan ICT.

8. Pelaksanan pendidikan perpaduan menerusi teks KOMSAS dalam kalangan pelajar tingkatan dua: Implementati on of unity education through KOMSAS texts among the form two students.	Chew Fong Peng, & Majelan Norazah. (2019)	Kajian berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik kepada 103 pelajar tingkatan dua di Melaka	Teks KOMSAS kurang menggambarkan realiti masyarakat majmuk; pelajar kurang berminat terhadap kandungan perpaduan dalam teks kerana gaya bahasa yang sukar.	Kurangnya elemen perpaduan dalam teks KOMSAS dan perlunya pendekatan yang lebih relevan untuk pelajar pelbagai kaum.
--	---	---	--	--
